**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 1980**

Tuan,

JAWATAN-JAWATAN SETIAUSAHA AKHBAR KEPADA Y.B. MENTERI DAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERHUBUNGAN AKHBAR / AWAM

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah mengkaji semula jawatan-jawatan Setiausaha Akhbar kepada Y.B. Menteri dan Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Akhbar / Awam, Kementerian Penerangan dan telah membuat keputusan-keputusan seperti berikut :

1.1 *Jawatan Setiausaha Akhbar*

*(a)* Skim gaji jawatan-jawatan Setiausaha Akhbar kepada Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Y.B. Menteri Kewangan adalah sebagaimana yang telah ditetapkan $1,805 x 100-3,005, iaitu tanggagaji khas untuk penyandang berdasarkan kepada pemindahan gaji daripada tanggagaji Suffian : $1,600 x 50-2,700 dan $1,600 x 50-2,500. Sifir pemindahan gaji bagi pegawai-pegawai ini sekarang ke tanggagaji di bawah semakan gaji baru Sektor Awam adalah seperti di **Lampiran "A"** berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980;

*(b)* Skim gaji jawatan-jawatan Setiausaha Akhbar kepada Y.B. Menteri-menteri yang lain yang layak telah ditetapkan atas tanggagaji A24 : $1,525 x 60-1,705 x 100-2,105. Tarikh kuatkuasa pemindahan gaji ialah mulai 1hb September, 1979 berdasarkan sifir pemindahan gaji seperti di **Lampiran "B"**. Sifir pemindahan gaji ke tanggagaji di bawah semakan gaji baru adalah seperti di **Lampiran "B1"** berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980;

*(c)* Jawatan-jawatan Setiausaha Akhbar kepada Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Menteri Kewangan dan Y.B. Menteri berkenaan adalah bertaraf kontrek dan pengwujudannya tertakluk kepada persetujuan Y.A.B. Perdana Menteri. Urusan perlantikan hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui penurunan kuasa melantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Gaji permulaan bagi calon-calon yang dilantik akan ditetapkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri atau Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri atau Y.B. Menteri di mana berkenaan.

1.2 *Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Akhbar / Awam*

*(a)* Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Akhbar / Awam adalah diletakkan di bawah kawalan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan Malaysia.

*(b)* Jawatan-jawatan Pegawai Perhubungan Akhbar / Awam (Kontrek) yang sekarang ini ditetapkan atas tanggagaji $1,105 / 1,165 (Suffian $950 / 1,000) di bawah Kementerian Penerangan Malaysia dipindahkan kepada tanggagaji A22 : $745 x 60-865 / 985 x 60-1,225 / 1,345 x 60-1,705 x 100-2,005 mulai 1hb September, 1979. Sifir pemindahan gaji bagi pegawai-pegawai ini adalah seperti di **Lampiran "C"**. Sifir pemindahan gaji ke tanggagaji di bawah semakan gaji adalah seperti di **Lampiran "C1"** berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980.

(c) Lantikan Pegawai Perhubungan Akhbar / Awam sama ada tetap atau kontrek adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Akhbar / Awam.

2. Sehubungan dengan ini nama Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Akhbar / Awam (Kumpulan A) telah diubah kepada Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Perhubungan Awam dan Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Akhbar / Awam (Kumpulan B) kepada Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Awam. Bersama-sama ini dikembarkan skim-skim perkhidmatan berkenaan yang telah diluluskan seperti di **Lampiran "D"** dan **"D1"**. Tarikh kuatkuasa skim-skim perkhidmatan tersebut ialah mulai 1hb September, 1979. Ketua Jabatan berkenaan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya untuk menukar nama-nama jawatan berkenaan.

3. Jika sekiranya terdapat apa-apa masalah berhubung dengan perlaksanaan keputusan-keputusan yang dinyatakan di atas, pihak Kementerian / Jabatan bolehlah mengemukakan masalah tersebut kepada Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur untuk penyelesaian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SHAMSUDDIN BIN DAHLAN)
*Bahagian Perjawatan,*
*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*
*Malaysia*

*10hb Oktober, 1980*

Y.B. Ketua Setiausaha Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Jalan Young, Kuala Lumpur.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

LAMPIRAN "A"

1. PERKHIDMATAN / JAWATAN — KEMENTERIAN / JABATAN

| PERKHIDMATAN / JAWATAN | KEMENTERIAN / JABATAN |
|---|---|
| *(a)* Setiausaha Akhbar (Kontrek) | 1. Jabatan Perdana Menteri (Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri) |
| | 2. Kementerian Kewangan Malaysia |

2. TANGGAGAJI

(i) Tanggagaji Sekarang : $1,805 x 100-3,005 (Khas untuk penyandang)

(ii) Tanggagaji Baharu : $2,095 x 100-3,295

3. SIFIR PEMINDAHAN GAJI

| Gaji Sekarang | Gaji Baru |
|---|---|
| $ *c.* | $ *c.* |
| 1,805.00 | 2,095.00 |
| 1,905.00 | 2,195.00 |
| 2,005.00 | 2,295.00 |
| 2,105.00 | 2,395.00 |
| 2,205.00 | 2,495.00 |
| 2,305.00 | 2,595.00 |
| 2,405.00 | 2,695.00 |
| 2,505.00 | 2,795.00 |
| 2,605.00 | 2,895.00 |
| 2,705.00 | 2,995.00 |
| 2,805.00 | 3,095.00 |
| 2,905.00 | 3,195.00 |
| 3,005.00 | 3,295.00 |

**LAMPIRAN "B"**

| 1. PERKHIDMATAN/JAWATAN | KEMENTERIAN/JABATAN |
|---|---|
| Setiausaha Akhbar | Pelbagai Kementenan / Jabatan |

2. TANGGAGAJI

(i) Tanggagaji Sekarang: [illegible]

(ii) Tanggagaji Baharu: A24 : $1,525 x 60 - 1,705 x 100 - 2,105

3. SIFIR PEMINDAHAN GAJI

| Gaji Sekarang | Gaji Baru |
|---|---|
| $ *c.* | $ *c.* |
| 745.00 | |
| 805.00 | |
| 865.00 | |
| 985.00 | |
| 1,045.00 | |
| 1,105.00 | 1,525.00 |
| 1,165.00 | |
| 1,225.00 | |
| 1,345.00 | |
| 1,405.00 | |
| 1,465.00 | |
| 1,525.00 | |
| 1,585.00 | 1,585.00 |
| 1,645.00 | 1,645.00 |
| 1,705.00 | 1,705.00 |
| 1,805.00 | 1,805.00 |

| | |
|---|---|
| 1,905.00 | 1,905.00 |
| 2,005.00 | 2,005.00 |
| | 2,105.00 |

*Bagi pegawai-pegawai yang telah berada di matagaji $1,165.00 selama satu tahun atau lebih pada atau sebelum 1hb September, 1979, maka pegawai yang berkenaan boleh mendapat kenaikan gaji seterusnya di dalam tanggagaji A22 pada 1hb Oktober, 1979 dan seterusnya.

1. Lampiran ini membatalkan dan menggantikan lampiran asal menurut **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/80 berkuatkuasa pada Disember, 1980**.

Lampiran Asal:

1. PERKHIDMATAN/JAWATAN — KEMENTERIAN/JABATAN

| PERKHIDMATAN/JAWATAN | KEMENTERIAN/JABATAN |
|---|---|
| (a) Setiausaha Akhbar | Pelbagai Kementenan/Jabatan |

2. TANGGAGAJI

(i) Tanggagaji Sekarang: A22 : 745 x 60 - 865 / 985 x 60 - 1,225 / 1,345 x 60 - 1,705 x 100 - 2,005

(ii) Tanggagaji Baharu: A24 : $1,525 x 60 - 1,705 x 100 - 2,105

3. SIFIR PEMINDAHAN GAJI

| Gaji Sekarang | Gaji Baru |
|---|---|
| $ c. | $ c. |
| 745.00 | |
| 805.00 | |
| 865.00 | |
| 985.00 | |
| 1,045.00 | |
| 1,105.00 | 1,525.00 |
| 1,165.00 | |
| 1,225.00 | |

| | |
|---|---|
| 1,345.00 | |
| 1,405.00 | |
| 1,465.00 | |
| 1,525.00 | |
| 1,585.00 | 1,585.00 |
| 1,645.00 | 1,645.00 |
| 1,705.00 | 1,705.00 |
| 1,805.00 | 1,805.00 |
| 1,905.00 | 1,905.00 |
| 2,005.00 | 2,005.00 |
| | 2,105.00 |

**LAMPIRAN "BI'**

1. PERKHIDMATAN/JAWATAN | KEMENTERIAN/JABATAN

(a) Setiausaha Akhbar | Pelbagai Kementerian /Jabatan

2. TANGGAGAJI

(a) Tanggagaji Sekarang: A24 : $1,525 x 60 - 1,705 x 100 - 2,105

(b) Tanggagaji Baharu: A24 : $1,660 x 60 - 1,840 x ,2,240

3. SIFIR PEMINDAHAN GAJI:

| Gaji Sekarang | Gaji Baru |
|---|---|
| $ *c.* | $ *c.* |
| 1,525.00 | 1,660.00 |
| 1,585.00 | 1,270.00 |
| 1,645.00 | 1,780.00 |
| 1,705.00 | 1,840.00 |
| 1,805.00 | 1,940.00 |
| 1,905.00 | 2,040.00 |
| 2,005.00 | 2,140.00 |
| 2,105.00 | 2,240.00 |

**LAMPIRAN "C"**

| 1. PERKHIDMATAN/JAWATAN | KEMENTERIAN/JABATAN |
|---|---|
| (a) Pegawai Perhubungan Akhbar / Awam (Kontrek) | Kementerian Penerangan Malaysia |

2. TANGGAGAJI

| | |
|---|---|
| (i) Tanggagaji Sekarang: | $1,105 / 1,165 |
| (ii) Tanggagaji Baharu: | A22 : $745 x 60 -865 / 985 x 60 - 1,225 / 1,345 x 60 - 1,705 x 100 - 2,005 |

3. SIFIR PEMINDAHAN GAJI

| Gaji Sekarang | Gaji Baru |
|---|---|
| $ *c.* | $ *c.* |
| --- | 745.00 |
| --- | 805.00 |
| --- | <u>865.00</u> |
| --- | 985.00 |
| --- | 1,045.00 |
| 1,105.00 | 1,105.00 |
| 1,165.00 | 1,165.00 |
| | <u>1,225.00</u> |
| | 1,345.00 |
| | 1,405.00 |
| | 1,465.00 |
| | 1,525.00 |
| | \| |

2,005.00

2. Lampiran ini membatalkan dan menggantikan lampiran asal menurut **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/80** berkuatkuasa pada 1 Disember, 1980.

Lampiran asal ialah:

| 1. PERKHIDMATAN/JAWATAN | KEMENTERIAN/JABATAN |
|---|---|
| (a) Pegawai Perhubungan Akhbar/Awam (kontrek) | Kementerian Penerangan Malaysia |

2. TANGGAGAJI

| | |
|---|---|
| (i) Tanggagaji Sekarang: | $1,105.00 / 1,165 |
| (ii) Tanggagaji Baharu: | A22 : 745 x 60 - 865 / 985 x 60 - 1,225/ 1,345 x 60 - 1,705 x 100 - 2,005 |

3. SIFIR PEMINDAHAN GAJI

| Gaji Sekarang | Gaji Baru |
|---|---|
| $ � | $ � |
| | 745.00 |
| | 805.00 |
| | 865.00 |
| | 985.00 |
| | 1,045.00 |
| 1,105.00 | 1,105.00 |
| 1,165.00 | 1,165.00 |
| | 1,225.00 |
| | 1,345.00 |
| | 1,405.00 |

1,465.00

1,525.00

2,005.00

**LAMPIRAN "C1"**

| PERKHIDMATAN/JAWATAN | KEMENTERIAN/JABATAN |
|---|---|
| (a) Pegawai Perhubungan Akhbar Awam (Kontrek) | Kementerian Penerangan Malaysia |
| | 2. Kementerian Kewangan Malaysia |

2. TANGGAGAJI

(i) Tanggagaji Sekarang: A22 : $745 x 60 - 865 / 985 x 60 - 1,225 / 1,345 x 60 - 1,705 x 100 - 2,005

(ii) Tanggagaji Baharu: A22 : $880 x 60 - 1,000 / 1,120 x 60 - 1,360 1,480 x 60 - 1,840 x 100 - 2,140

3. SIFIR PEMINDAHAN GAJI

| Gaji Sekarang | Gaji Baru |
|---|---|
| $ � | $ � |
| 745.00 | 880.00 |
| 805.00 | 940.00 |
| 865.00 | 1,000.00 |
| 985.00 | 1,120.00 |
| 1,045.00 | 1,180.00 |
| 1,105.00 | 1,240.00 |
| 1,165.00 | 1,300.00 |
| 1,225.00 | 1,360.00 |
| 1,345.00 | 1,480.00 |
| 1,405.00 | 1,540.00 |
| 1,465.00 | 1,600.00 |
| 1,525.00 | 1,660.00 |
| 1,585.00 | 1,720.00 |
| 1,645.00 | 1,780.00 |
| 1,705.00 | 1,840.00 |

| | |
|---|---|
| 1,805.00 | 1,940.00 |
| 1,905.00 | 2,040.00 |
| 2,005.00 | 2,140.00 |

**LAMPIRAN "D"**

**SKIM PERKHIDMATAN**

PEGAWAI KANAN PERHUBUNGAN AWAM (KEMENTERIAN PENERANGAN)

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH KUATKUASA : | 1hb. September 1979 | KUMPULAN "A" |
| Tingkatan | Tanggagaji | |
| Tingkatan Biasa | A22 : $880 x 60 - 1,000/Sekatan Percubaan/<br>1,120 x 60 - 1,360/Sekatan Kecekapan/<br>1,480 x 60 - 1,840 x 100 - 2,140 | |
| Tingkatan Kanan | A24 : $1,660 x 60 - 1,840 x 100 - 2,240 | |
| Tingkatan Khas | A12 : $2,095 x 100 - 2,495 | |
| Tingkatan-tertinggi "G" | A10 : $2,650 x 120 - 2,770 | |

UMUR

1. Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi 40 tahun. Calon-calon daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun.

KELAYAKAN MASUK

2. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakanseperti berikut :

(a) (i) Ijazah sarjana Muda dalam bidang sebaran Am atau dalam bidang Kerwartawanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

oleh Kerajaan:

(ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sebaran Am atau dalam bidangg Kewartawanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji Permulaan ialah $1,000. sebulan) : ATAU

(b) lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERLANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

3. Lantikan dari masa ke semasa juga dibuka kepada Pegawai Perhubungan Awam sedang berkhidmat yang telah

(a) Disahkan dalam jawatan,

(b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun bagi mereka yang mempunyai Diploma,

dan 7 tahun bagi mereka yang mempunyai kelayakan

PERMOHONAN

4. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pegawai Kanan Perhubungan Awam boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.

PEPERIKSAAN

7. Pegawai Kanan Perhubungan Awarn dalam percubaan adalah dikehendaki

lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan.

8. Pegawai Kanan Perhubungan Awam yang telah — PENGESAHAN DALAM JAWATAN

(a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan,

(b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan, dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan adalah layak disahkan di dalam Jabatan.

9. Pegawai Kanan Perhubungan Awam yang telah: — SEKATAN KECEKAPAN

(a) disahkan dalam jawatan;

(b) berkhidmat selama 1 tahun dengn gaji paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan

(c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya, ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,adalah layak melangkah sekatan kecekapan.

10. Pegawai kanan Perhubungan Awam tingkatan Biasa yang telah: — KANAIKAN PANGKAT KE TINGKATAN KANAN

(a) disahkan dalam jawatan;

(b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan,adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong.

KENAIKAN PANGKAT KE TINGKATAN KHAS

11. Pegawai Kanan Perhubungan Awam Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat tidak kurang lebih daripada 2 tahun dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.

PANGKAT KE TINGKATAN TERTINGGI "G"

12. Pegawai Kanan Perhubungan Awam tingkatan Khas yang membuktikan kebolehan terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan-tertinggi "G" yang kosong.

KENAIKAN PANGKAT KE TINGKATAN TERTINGGI YANG LEBIH TINGGI

13. Pegawai Kanan Perhubungan Awam Tingkatan-tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan-tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam perkhidmatan pegawai Kanan Perhubungan Awam

**LAMPIRAN "D1"**

**SKIM PERKHIDMATAN**

PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM (KEMENTERIAN PENERANGAN)

TARIKH KUATKUASA : 1hb. September 1979 KUMPULAN : B

| Tingkatan | Tanggagaji |
|---|---|
| Tingkatan Biasa | B11 : $585 x 40 - 665 /Sekatan Percubaan/ 705 x 40 - 1,025/sekatan Kecekapan/ 1,105 x 40 - 1,305 |
| Tingkatan Khas | B4 : $1,305 x 40 - 1,385 x 60 - 1,505 |

1. Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi 30 tahun. Calon-calon daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap,termasuk mereka dalam. percubaan hendaklah berumur tidak melebihi50 tahun. UMUR

2. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: KELAYAKAN MASUK

(a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU

(ii) Diploma dalam bidang Sebaran Am daripada Institut Teknologi MARA atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah $825.00 sebulan); dan

(b) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, PERMOHONAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

4. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun. — TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai Perhubungan Awam mungkin dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan. — LATIHAN

6. Pegawai Perhubungan Awam dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan. — PEPERIKSAAN PERHIDMATAN

7. Pegawai Perhubungan Awam yang telah: — PENGESAHAN DALAM JAWATAN

(a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan;

(b) lulus semua Peperiksaan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan; adalah layak disahkan dalam jawatan.

8. Pegawai Perhubungan Awam yang telah: — SEKATAN KECEKAPAN

(a) disahkan dalam jawatan;

(b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji yang paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan

(c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya, adalah layak melangkah sekatan kecekapan.

9. Pegawai Perhubungan. Awam Tingkatan Biasa yang telah: — KENAIKAN

PANGKAT KE TINGKATAN KHAS

(a) disahkan dalam jawatan;

(b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 6 tahun dalam jawatan tersebut; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan,adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.